



JABATAN KETUA MENTERI
(UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA),
TINGKAT 10 & 11, WISMA BAPA MALAYSIA,
PETRA JAYA,
93502 KUCHING,
SARAWAK.

Telefon Am : 082-441957
Kawat : SUK KUCHING
Faks : 082-445618 (HRM)

SURAT PEKELILING

(Perj. Bil. 21 / 2005)

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan Sarawak KEPADA: Semua Setiausaha Tetap
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Residen
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Setiausaha Majlis Bandaraya/ Perbandaran/ Daerah

PERKARA: Hari Integriti Negara
RUJUKAN: 61/EO/3376/4 TARIKH: 29 Ogos 2005

Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah menetapkan tarikh **5 November** setiap tahun sebagai **Hari Integriti Negara**. Objektif Hari Integriti Negara ini adalah untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada semua lapisan masyarakat tentang betapa pentingnya integriti dan nilai-nilai murni serta kesan yang dihadapi oleh negara akibat dari terhakisnya nilai-nilai ini.


2. Sehubungan itu, dan sebagai lanjutan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kepada Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Kerajaan Negeri Bil. 2/ 2005 bertarikh 29 Jun 2005, semua Kementerian/ Jabatan/ Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-Badan Berkanun Negeri Sarawak adalah dengan ini diminta untuk mengadakan aktiviti/ program yang berkaitan dengan integriti dalam bulan November.

3. Jenis aktiviti atau program yang boleh dilaksanakan adalah seperti ceramah-ceramah keagamaan, kempen-kempen yang mempunyai elemen integriti seperti pemanduan berhemah dan sabar serta perkhidmatan kaunter yang berbudi bahasa dengan harapan ianya dapat memberikan kesan positif kepada individu dan seterusnya masyarakat.

4. Selaras dengan aktiviti/ program integriti tersebut juga, setiap Ketua Jabatan adalah digalakkan untuk mencalonkan mana-mana pegawai yang mempunyai nilai-nilai integriti yang tinggi dan difikirkan layak untuk menerima pengiktirafan integriti terutamanya di kalangan pegawai-pegawai kumpulan sokongan. Senarai calon-calon ini hendaklah dikemukakan ke Pejabat ini beserta dengan justifikasi-justifikasi dan ciri-ciri yang ada pada pegawai yang dicalonkan pada atau sebelum 3 Oktober 2005.

5. Ketua Jabatan juga dengan ini dirujuk kepada Surat Pekeliling Bersama No. 10/98 bertarikh 27 Januari 1998 mengenai Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 1998. Lanjutan daripada arahan penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Peringkat Kementerian/ Jabatan/ Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tersebut, Ketua Jabatan adalah dikehendaki untuk menggerakkan dengan lebih aktif Jawatankuasa tersebut dan seterusnya mengemukakan laporan Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Peringkat Jabatan setiap suku tahun ke Pejabat Unit Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"



[DATUK AMAR HAJI/ABDUL AZIZ BIN DATO HAJI HUSAIN]

Setiausaha Kerajaan
Sarawak